

Malaysia sentiasa di barisan hadapan tangani isu serantau

KUALA LUMPUR 22 Jan. - Malaysia sentiasa berada di barisan hadapan dalam menangani isu-isu serantau dan konflik antarabangsa bagi membentuk komuniti Asia yang berjaya, lebih inklusif serta kompetitif menjelang tahun 2025.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, kementeriannya juga terus melaksanakan misi bantuan kemanusiaan bersepadu bagi membekalkan keperluan serta bantuan segera kepada mereka yang memerlukan di seluruh dunia.

“Dari Bengal ke Syria, kita berani mengetengahkan penderitaan umat manusia dan mengambil inisiatif-inisiatif segera untuk mengurangkan masalah mereka,” katanya ketika berucap merasmi-

kan majlis tamat Diploma Diplomas di Institut Diplomas dan Hal Ehwal Luar Negeri (IDHL) di sini hari ini.



**REEZAL MERICAN
NAINA MERICAN**

Seramai 18 Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) muda menamatkan kursus intensif enam bulan yang memberi pendedahan serta memantapkan kemahiran mereka bagi menghadapi situasi yang lebih kritikal dalam kerjaya nanti sebelum mereka di tempatkan di kedudukan luar nanti.

Turut hadir Ketua Pengarah IDFR, Datuk Mohamad Sadik Kethergany.

Bercakap mengenai PTD muda, Reezal Merican berkata, Malaysia serius dalam membentuk PTD yang holistik kerana mereka adalah ‘kuasa’ penting yang menggabungkan dua negara.